

INSTITUT PEMIKIRAN TOK GURU DATO' BENTARA SETIA

IPTG




MENARIK

5 DOA HARI ARAFAH

7 MENTERI SINGAPURA
KUNJUNGI IPTG

13 AMALAN SUNNAH & KELEBIHAN
10 HARI ZULHIJAH

IMBAS OR
DIBAWAH !



Kalam Menteri



السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

الحمد لله رب العالمين والصلاة والسلام على أشرف الأنبياء والمرسلين وعلى آله وصحبه أجمعين

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Firman Allah SWT yang bermaksud:

Maksudnya: "Dan serukanlah umat manusia untuk mengerjakan ibadat Haji, nescaya mereka akan datang ke (rumah Tuhan) mu dengan berjalan kaki, dan dengan menunggang berjenis-jenis unta yang kurus yang datangnya dari berbagai jalan (dan ceruk rantau) yang jauh(27) Supaya mereka menyaksikan berbagai perkara yang mendatangkan faedah kepada mereka serta memperingati dan menyebut nama Allah, pada hari-hari yang tertentu, kerana pengurniaanNya kepada mereka dengan binatang-binatang ternak (untuk dijadikan korban); dengan yang demikian makanlah kamu dari (daging) binatang-binatang korban itu dan berilah makan kepada orang yang susah, yang fakir miskin"

(28) [al-Hajj: 27-28]

Alhamdulillah, pertamanya saya mengucapkan setinggi penghargaan dan terima kasih kepada seluruh warga Institut Pemikiran Tok Guru Dato' Bentara Setia (IPTG) kerana telah berjaya memberi kerjasama dan komitmen sepenuhnya kepada kerajaan Negeri Kelantan pada tahun lepas. Tinggi harapan saya agar kerjasama dan komitmen daripada semua kakitangan IPTG dapat diteruskan dan ditingkatkan lagi pada tahun ini.

Bersyukur juga kita ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin limpah kurniaNya Buletin Bil. 02/1444H/2023 dapat diterbitkan. Terima kasih juga khususnya kepada pasukan sidang redaksi yang bertungkus lumus sehingga berjayanya menerbitkan buletin edisi kali ini.


Sesungguhnya tahun 2023 ini pasti lebih mencabar bagi semua penjawat awam termasuk warga IPTG dalam memastikan visi dan misi organisasi tercapai. Tahun ini merupakan tahun ke-32 pentadbiran Kerajaan Negeri Kelantan ditunjangi oleh dasar Membangun Bersama Islam. Ini merupakan anugerah oleh Allah SWT kepada seluruh rakyat Kelantan dalam meletakkan Islam sebagai ad-deen di kedudukan paling tinggi. Hasrat saya amatlah besar agar Pengembangan Dasar Membangun Bersama Islam ini diteruskan lagi oleh IPTG menerusi aktiviti-aktiviti dan program-program yang bakal dilaksanakan pada tahun ini. Inshaallah

Akhir kata, saya mendoakan kesejahteraan dan kejayaan kepada semua warga IPTG. Semoga segala usaha yang dilakukan ini mendapat ganjaran pahala di sisi Allah SWT.

Sekian, terima kasih. Wassalam.

YAB Dato' Bentara Kanan
Ustaz Dato' Haji Ahmad bin Yakob
Menteri Besar Kelantan

Kata Penerbit



“

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

الحمد لله رب العالمين والصلاة والسلام على أشرف الأنبياء والمرسلين وعلى آله وصحبه أجمعين

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Firman Allah SWT yang bermaksud:

“Demi sesungguhnya! Kami akan menguji kamu dengan sedikit perasaan takut (kepada musuh) dan (dengan merasai) kelaparan, dan (dengan berlakunya) kekurangan dari harta benda dan jiwa serta hasil tanaman. Dan berilah khabar gembira kepada orang-orang yang sabar:(155) (laitu) orang-orang yang apabila mereka ditimpa oleh sesuatu kesusahan, mereka berkata: "Sesungguhnya kami adalah kepunyaan Allah dan kepada Allah jualah kami kembali.”

(156) [al-Baqarah: 155-156]

Saya merafakkan puji dan syukur yang tidak terhingga ke hadirat Allah Subhanahu Wa Taala, selawat dan salam ke atas junjungan mulia Nabi Muhammad SAW, para sahabat, keluarga serta seluruh pengikut Baginda kerana dengan izin dan limpah rahmat-Nya, Institut Pemikiran Tok Guru Dato' Bentara Setia (IPTG) dapat meneruskan usaha menerbitkan Buletin IPTG pada kali ini (Edisi Bil.2/1444H/2023) dengan jayanya.

Kelahiran buletin pada kali ini akan mencatatkan pelbagai informasi berilmiah dan merakamkan pelbagai aktiviti berkaitan IPTG yang akan mewarnai objektif penubuhan khususnya dalam perkembangan semasa IPTG Dalam era digital ini, penulisan-penulisan yang berkaitan Membangun Bersama Islam (MBI) Ubudiyah, Mas'uliyah Dan Itqan (UMI) yang dicetuskan oleh Almarhum Tok Guru

Dato' Bentara Setia Dato' Haji Nik Abdul Aziz Nik Mat seharusnya diperbanyakkan sama ada dalam bentuk dokumentasi mahupun rujukan-rujukan penerangan. Ini penting agar semua pihak, khususnya masyarakat negeri Kelantan mengetahui secara jelas tentang Dasar Kerajaan Negeri Kelantan.

Setinggi-tinggi penghargaan kepada warga kerja IPTG khususnya Unit Pengembangan kerana berjaya mengumpulkan ribuan bahan-bahan arkib Tok Guru untuk dijadikan simpanan aset berharga kerajaan negeri untuk diguna pakai dan diterbitkan kembali ke media sosial bagi tatapan masyarakat. Tidak dilupakan juga kepada Unit Penyelidikan yang berusaha untuk menerbitkan buku Biografi Tok Guru dalam tiga bahasa (Melayu, Bahasa Inggeris dan Arab), dan Unit Latihan berjaya dengan jayanya mengadakan Kursus MBI UMI kepada Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) dan Pusat Khidmat DUN (PKD) di negeri Kelantan.

Akhirnya, saya mengucapkan tahniah kepada semua pihak yang telah berusaha untuk menjayakan penerbitan Buletin IPTG pada kali ini dan berharap buletin ini akan memberi kefahaman yang lebih mendalam terhadap peranan dan penubuhan IPTG. Semoga apa yang diberikan ini akan mendapat redha Allah SWT dan digantikan dengan yang jauh lebih baik dan melimpah.

Sekian, terima kasih. Wassalam.

YBhg. Profesor Emeritus Dato' Dr. Johari Bin Mat
Pengarah Institut Pemikiran Tok Guru Dato' Bentara Setia (IPTG)

”

Isi Kandungan

02

KALAM MENTERI

03	KATA PENERBIT	DOA MUKMIN	05
06	BERITA @ INFO	BERITA @ INFO	07
08	KAPSUL FIGURA	RENCANA	09
10	ARTIKEL I	SEBARKAN SUNNAH	12
13	INFOGRAFIK	ARTIKEL II	14
17	TINTA TOK GURU	LENSA	18

SIDANG REDAKSI

PENAUNG

Yab Ustaz Dato' Bentara Kanan Dato'
Haji Ahmad bin Yakob

PENYELARAS

Ustaz Zulkipli bin Mat Yusof

KETUA PENGARANG

Nurliyana binti Ahmed

EDITOR

Ahmad Fathi bin Yusof
Nabil Abqari bin Zuhaidi
Siti Nur Amirah binti Fauzi

JURUFOTO

Muhammad Khairul Naim bin Jazli

ALAMAT SURAT MENYURAT

Institut Pemikiran Tok Guru Dato' Bentara Setia (IPTG)
Tingkat Bawah, Blok Dewan Undangan Negeri Kelantan,
Kota Darulnaim, 15503 Kota Bharu, Kelantan.

PENASIHAT

Ybhg. Profesor Emeritus
Dato' Dr. Johari bin Mat

PENOLONG PENYELARAS

Mohd Hafizi bin Mahadi

SIDANG PENGARANG

Norshafinaz binti Nazaruddin
Anis Nadhirah binti Azhar
Wan Muhammad Faizat bin Wan Mohd Sanusi

ARTIKEL

Nur Syazana Athirah binti Izazi
Nor Diana binti Mohd Razali
Nor Auni binti Che Mohd Rosli
Nik Nor Amirah Azuani binti Nik Rahim
Wan Nur Anis binti Abdullah

PROMOSI/IKLAN/GRAFIK

Wan Muhammad Faizat bin Wan Mohd Sanusi

REKA BENTUK & PERCETAKAN

Wanza Advertising & Printing
No 26, Tingkat 1, Jalan Mat Kilau, 25000 Kuantan, Pahang Darul Makmur
No. Telefon: 0111 3000 434 | Emel: wanzanet.hq@gmail.com

DOA

Hari Arafah

Hari Arafah

adalah hari kesembilan (9) Zulhijjah yang mana semua jemaah haji berkumpul di Padang Arafah untuk menunaikan salah satu kewajiban haji. Ianya merupakan simbolik umat manusia yang akan berkumpul di Padang Mahsyar pada hari akhirat kelak.

Doa hari Arafah bukan sahaja sunat dibaca oleh jemaah haji pada hari Arafah, tetapi disunatkan juga kepada seluruh umat muslim di seluruh dunia walaupun tidak berada disana.

لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ
”الْحَمْدُ وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ“

Maksudnya: “Tidak ada yang berhak disembah selain Allah yang satu, tidak ada sekutu bagi-Nya, milik-Nya kekuasaan dan milik-Nya segala pujian, dan Dia Maha Berkuasa atas segala sesuatu.”

Rasulullah SAW bersabda:

“Sebaik-baik doa adalah pada hari Arafah.”

(Riwayat al-Tirmidzi disahihkan Al-Albani).

Waktu afdhal berdoa adalah ketika selepas gelincirnya matahari (waktu zohor) 9 Zulhijjah sehingga sebelum terbit fajar 10 Zulhijjah dan sebaik-baik tempat berdoa adalah di Padang Arafah.

Berdoalah apa sahaja dan di mana jua sebagai tanda perhambaan serta permohonan kita kepada Allah SWT. Ingatlah bahawa Allah SWT tidak pernah mengecewakan hambaNya yang meminta samada dengan menunaikan doa atau mengganti dengan yang lebih baik darinya.



AIDILFITRI

عيد الفطري ١٤٤٤هـ

1444H



RUMAH TERBUKA AIDILFITRI PAS KELANTAN
KOTA BHARU | 8 Syawal 1444H / 29 April 2023



HARI RAYA WITH ME AIDILFITRI 2023
Tumpat | 3 Syawal 1444H / 24 April 2023



BERITA @ INFO



SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITRI PEJABAT
SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI KELANTAN
SUK KELANTAN | 12 Syawal 1444H / 03 Mei 2023



MAJLIS SAMBUTAN AIDILFITRI PAS
PARTI ISLAM SE-MALAYSIA (PAS) PUSAT
KOTA SARANG SEMUT, ALOR SETAR
15 Syawal 1444H / 06 Mei 2023



MENTERI SINGAPURA DR. MOHAMAD MALIKI OSMAN LAKUKAN LAWATAN KERJA KE IPTG

“...untuk mengeratkan hubungan antara Majlis Ugama Islam Singapura (MUIS) dan IPTG.”



Pengarah IPTG memberi sumbangan cenderamata kepada Dr. Mohamad Maliki Osman

KOTA BHARU- Menteri di Pejabat Perdana Menteri – Menteri Kedua Kementerian Hal Ehwal Luar dan Menteri Kedua Kementerian Pendidikan Singapura, Dr Mohamad Maliki Osman melakukan lawatan kerja dua hari ke Kelantan bermula 25 dan 26 Ramadan 1444 bersamaan 16 dan 17 April 2023.

"Lawatan itu adalah sebahagian daripada usaha Singapura untuk mengukuhkan lagi hubungan yang sudah terjalin sejak sekian lama dengan negeri-negeri di Malaysia dan meneroka bidang kerjasama baharu," menurut kementerian luar (MFA) republik itu dalam satu kenyataan.

Beliau turut mengadakan pertemuan pada 16 April 2023 dengan Pengarah Institut Pemikiran Tok Guru Dato' Bentara Setia (IPTG), Profesor Emeritus Dato' Dr. Johari Mat.

"memastikan kemajuan dan keharmonian dapat dicapai bersama"

Dr Maliki ketika mengunjungi Prof. Emeritus Dato' Dr. Johari Mat berkata, antara tujuan pihaknya mengunjungi IPTG, untuk mengeratkan hubungan antara Majlis Ugama Islam Singapura (MUIS) dan IPTG.

Beliau berkata lagi, pasti banyak kerjasama yang boleh dilakukan di masa akan datang antara MUIS dan IPTG dan sangat mengalu-alukan kehadiran lawatan daripada IPTG.

Menurutnya, hubungan itu amat penting bagi meningkatkan kepentingan komuniti Muslim negara masing-masing termasuk di Kelantan.

"Kita berharap hubungan baik ini sentiasa berterusan antara kedua-dua belah pihak untuk memastikan kemajuan dan keharmonian dapat dicapai bersama khususnya aspek pembangunan, ekonomi, komuniti dan sebagainya," ujarnya.




Takirah TOK GURU Zulhijjah



Tidak ada satu hari yang lebih suka oleh Allah Ta'ala bila kita buat amal, lebih suka lebih disayangi oleh Allah lebih pada hari 10 Zulhijjah. Start daripada 1 Zulhijjah baruni sapa ko harini tengahari ni sapa ko apo namo ni hari wak tupat hari Arafah ni, Nabi kata hari-harini 10 hari 9 harini sebagai amalan yang dibuat memang sangat-sangat Allah Ta'ala suko sangat poso satu hari jah daripada haritu samada kito poso start 1 Zulhijjah haritu sapa ko harini sapa ko gapo sapa ko khosnya hari Arafah.

Hari Arafah hari Wukuf tu kito dimintok poso, tu sunat pakat poso la blako hari apo namo ni rakyat Kelantan ni biar jadi rakyat Serambi Mekah sungguh. Aaa tidak ada sebarang amalan yang sangat-sangat disukai oleh Allah lebih daripada amalan dalam 10 hari Zulhijjah.

Start Zulhijjah 1 haribule sapa ko hari wak tupat tu kito poso dan malamnya jugok قيامة kita semayang sunat malam, male dale 9 hari 10 harini menyamai قيامة اللدر lailatul qadar ni dalam bulan Ramadan. Tapi Nabi kata kalu mu nok lailatul qadar jugok mu tunggu 10 hari Zulhijjah. 7 harini hari 7,8,9 ada 2 male lagi maye para hadirin semua malam-malam siang hari poso, malam kita kita qiam dan bila kita qiam malam maka تعدل bersamaan supo dengan lailatul qadar Nabi kata.



SCAN DISINI



Pengurusan IHTIRAFI TUNJANG KESEJAHTERAAN (BAHAGIAN IV)

Sambungan Bahagian III/ Buletin Bil.1/1444h/2023)

Antara ciri-ciri pengurusan ihtirafi ialah:

HAFAZAH

Ciri yang kelima pula ialah memelihara dan meningkatkan imej profesion. Kerjaya adalah amanah yang diberikan dan ia perlu dilaksanakan dengan sebaik mungkin. Semasa bertugas, hendaklah meletakkan tugas lebih utama daripada kepentingan peribadi.

Semasa bertugas, hendaklah meletakkan tugas lebih utama daripada kepentingan peribadi. Memastikan tiada penyelewangan semasa bertugas; masa, kuasa, sumber wang dan peralatan serta tenaga kerja dan sebagainya.

Seterusnya, berusaha memelihara imej kerjaya sebagai penjawat awam supaya dipandang tinggi dan dihormati oleh masyarakat. Profesionalisme yang tinggi ditunjukkan oleh besarnya keinginan untuk selalu meningkatkan dan memelihara imej profesion melalui perwujudan perilaku profesional. Perwujudannya dilakukan melalui berbagai cara misalnya penampilan, cara percakapan, penggunaan bahasa, sikap tubuh, sikap hidup sehari-hari, dan hubungannya dengan individu lainnya.

Firman Allah SWT:

Maksudnya: Yusuf berkata: "Jadikanlah daku pengurus perbendaharaan hasil bumi (Mesir); sesungguhnya aku sedia menjaganya dengan sebaik-baiknya, lagi mengetahui cara mentadbirkannya" (Yusuf:55)

Firman Allah SWT:

Maksudnya: "Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu mengkhianati (Amanah) Allah dan RasulNya, dan (janganlah) kamu mengkhianati Amanah-amanah kamu, sedang kamu mengetahui (salahnya)." (Al-Anfal: 27)

Bulan Zulhijjah

adalah satu bulan yang agung dan termasuk salah satu daripada empat bulan-bulan haram dalam Islam. Lanya adalah bulan yang sangat dinanti-nantikan oleh umat Islam kerana di dalamnya terdapat dua ibadah dan peristiwa besar yang berlaku padanya iaitu ibadah haji dan Hari Raya Korban atau dikenali sebagai Aidiladha.

Allah SWT mewajibkan ibadah haji yang merupakan salah satu daripada lima rukun Islam. Antara syarat bagi seseorang muslim itu mengerjakan haji adalah kemampuan yang meliputi aspek kewangan, keselamatan, kesihatan termasuklah bilangan kuota yang telah diperuntukkan. Allah SWT berfirman:

"Dan Allah mewajibkan manusia mengerjakan ibadat haji dengan mengunjungi Baitullah iaitu sesiapa yang mampu sampai kepadanya. Dan sesiapa yang kufur (ingkar kewajipan ibadat haji itu), maka sesungguhnya Allah Maha Kaya (tidak berhajatkan sesuatu pun) daripada sekalian makhluk." Ali 'Imran (97)

Namun, bagi mereka yang tidak berkemampuan untuk melaksanakannya bukanlah satu keralatan yang perlu dikesalkan. Hal ini kerana Allah SWT tetap memberi ganjaran pahala kepada sesiapa yang sudah berniat membuat kebaikan walaupun tidak berupaya melaksanakannya.


Pengorbanan yang dilakukan untuk menunaikan ibadah haji adalah sangat besar terutama dari aspek persediaan kewangan. Seorang bakal haji perlu menyimpan sebahagian pendapatan mereka selama beberapa tempoh masa yang tertentu secara konsisten. Bahkan adakala mereka terpaksa mengorbankan keperluan semasa dan menjual harta benda semata-mata untuk mencukupkan tabungan bagi membolehkan mereka dapat menunaikan rukun Islam kelima tersebut. Hal ini adalah sebuah pengorbanan yang sangat besar.

Manakala, Hari Raya Korban ataupun Aidiladha disambut pada 10 Zulhijjah bagi memperingati kisah pengorbanan Nabi Ibrahim AS yang diperintahkan oleh Allah SWT untuk menyembelih anaknya Nabi Ismail AS. Suruhan tersebut bertujuan menguji keimanan mereka berdua kepada Allah SWT. Hal ini dalam sepertimana dinyatakan dalam firmanNya:

"Maka ketika anaknya itu sampai (ke peringkat umur yang membolehkan dia) berusaha bersama-sama dengannya, Nabi Ibrahim berkata: "Wahai anak kesayanganku! Sesungguhnya aku melihat dalam mimpi bahawa aku akan menyembelihmu, maka fikirkanlah apa pendapatmu?"Anaknya menjawab: "Wahai ayah, jalankanlah apa yang diperintahkan kepadamu, Insya-Allah, ayah akan mendapati daku daripada orang-orang yang sabar." al-Saffat (102)



Zulhijjah
DAN NILAI SEBUAH



Hajjah

PENGORBANAN



Tanpa mempersoalkan arahan tersebut, Nabi Ibrahim AS dan Nabi Ismail AS bersegera mematuhi arahan Allah SWT. Sebagai ganjaran terhadap pengorbanan (keimanan dan kepatuhan) mereka berdua, Allah SWT telah menganugerahkan seekor haiwan ternakan untuk dijadikan korban. Hal ini seperti mana dirakamkan dalam firmanNya:

"Setelah keduanya berserah bulat-bulat (menjunjung perintah Allah itu), dan Nabi Ibrahim merebahkan anaknya dengan meletakkan iringan mukanya di atas tompok tanah, (103) (Kami sifatkan Ibrahim - dengan kesungguhan azamnya itu telah menjalankan perintah Kami), serta Kami menyerunya: "Wahai Ibrahim! (104) Engkau telah menyempurnakan maksud mimpi yang engkau lihat itu." Demikianlah sebenarnya Kami membalas orang-orang yang berusaha mengerjakan kebaikan,(105) Sesungguhnya perintah ini adalah satu ujian yang nyata; (106) Dan Kami tebus anaknya itu dengan seekor binatang sembelihan yang besar. (106)" al-Saffat (103-107)

Rentetan dari peristiwa ini, setiap tahun ketika perayaan Aidiladha maka umat Islam amat digalakkan untuk menyembelih binatang-binatang korban lalu mengagihkan kepada golongan yang kurang bernasib baik. Hal ini adalah sebagai tanda kesyukuran seorang hamba terhadap kurniaan dan nikmat daripada TuhanNya. Allah SWT berfirman:

"Sesungguhnya Kami telah mengurniakan kepadamu (wahai Muhammad) kebaikan yang banyak (di dunia dan di akhirat)(1), Oleh itu, kerjakanlah sembahyang kerana Tuhanmu semata-mata, dan sembelihlah korban (sebagai bersyukur).(2)" al-Kauthar (1-2)

Hukum ibadah korban adalah sunat muakkad (sangat dituntut) bagi orang-orang yang berkemampuan. Malah, makruh hukum meninggalkannya (tidak menunaikan korban) jika mampu. Rasulullah SAW tidak pernah meninggalkan ibadah korban setelah disyariatkan. Malah baginda SAW pernah memberi peringatan keras kepada orang yang berkemampuan yang tidak melaksanakan ibadah korban menerusi sabdaNya:

"Barangsiapa yang mempunyai kelapangan (mampu) untuk berkorban, tetapi dia tidak berkorban, maka janganlah dia datang mendekati tempat kami bersembahyang ini."

Riwayat Ibnu Majah

Justeru itu, bersempena kedatangan bulan Zulhijjah ini, marilah kita sama-sama bermuhasabah diri dengan menelusuri sejarah para anbiya' yang sentiasa taat dengan perintah Allah SWT dan sanggup membelanjakan seluruh harta dan jiwanya untuk Islam. Semoga perjalanan hidup mereka memberikan kita percikan iktibar tentang nilai pengorbanan yang dituntut oleh agama dalam usaha untuk mencapai kebahagiaan dan kesejahteraan di dunia dan akhirat



LARANGAN MEMOTONG KUKU & RAMBUT BAGI MEREKA YANG INGIN MELAKUKAN IBADAH KORBAN

عَنْ أُمِّ سَلَمَةَ، أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ " إِذَا رَأَيْتُمْ هِلَالَ
ذِي الْحِجَّةِ وَأَرَادَ أَحَدُكُمْ أَنْ يُضَحِّيَ فَلْيُمْسِكْ عَنْ شَعْرِهِ وَأَظْفَارِهِ "

Daripada Ummu Salamah RA, sesungguhnya Rasulullah SAW bersabda: "Sesiapa yang melihat anak bulan Zulhijjah dan berkehendak untuk melaksanakan ibadah korban, maka hendaklah dia menahan dirinya daripada memotong rambut dan kukunya (sehingga dia selesai berkorban)"

Riwayat Muslim (1977)

PENGAJARAN HADIS

Hadis ini menyatakan larangan bagi mereka yang ingin melaksanakan ibadah korban untuk menggunting rambut, mencukur atau mencabut sebarang bulu pada badan dan memotong kukunya apabila masuknya 1 Zulhijjah sehingga dia selesai melaksanakan ibadah korban.

Menurut Imam al-Nawawi, larangan di dalam hadis ini bermaksud makruh memotongnya. Larangan menghilangkan kuku dengan cara memotong, mencabut atau dengan cara lain (secara sengaja). Termasuk juga larangan menghilangkan rambut sama ada mencukur, memendek, mencabut, membakar, menggunakan sesuatu untuk menghilangkan rambut dan apa jua cara sama ada pada bulu ketiak, misai, bulu ari-ari, rambut atau bulu-bulu lain di bahagian anggota badan yang lain.

Bagi mereka yang sengaja mahupun tidak sengaja memotong kuku ataupun rambut sebelum melaksanakan ibadah korban, memadai baginya untuk memohon keampunan kepada Allah SWT dan tidak dikenakan fidyah (tebusan atau denda).

Hadis ini mengingatkan umat Islam yang melaksanakan ibadah korban untuk beramal dengan sunnah iaitu dengan tidak memotong kuku dan rambut bermulanya 1 Zulhijjah sehingga dia selesai berkorban. Semoga ibadah korban yang dilakukan dengan mengikut sunnah ini diterima dan diberkati oleh Allah SWT.

1 MEMPERBANYAK SOLAT SUNAT

Maksudnya:

"Tiada hari yang paling disukai oleh Allah untuk dilakukan amalan soleh padanya melainkan 10 hari terawal Zulhijjah"

(Sahih Bukhari)

5

AMALAN SUNNAH BULAN ZULHIJJAH

2 PUASA SUNAT 'ARAFAH (9 ZULHIJJAH)

Maksudnya:

"Puasa hari 'Arafah, aku memohon kepada Allah agar menebus dosa-dosa setahun sebelumnya serta setahun selepasnya."

(Hadis riwayat Imam Muslim)

3 PUASA KESELURUHAN HARI PERTAMA HINGGA SEMBILAN ZULHIJJAH

Maksudnya:

"Rasulullah SAW berpuasa pada sembilan hari pertama bulan Zulhijjah"

(Hadis riwayat Imam Abu Daud dan Imam Ahmad)

4 MEMPERBANYAK TAHLIL, TAKBIR DAN TAHMID

Maksudnya:

"Tiada hari-hari yang lebih agung dan disukai oleh Allah untuk beramal soleh selain 10 hari ini. Maka perbanyaklah tahlil, takbir dan tahmid padanya."

(Hadis riwayat Imam Ahmad)

5 MEMPERBANYAK DOA

(Tidak ada yang berhak disembah selain Allah yang satu, tidak ada sekutu bagi-Nya, milik-Nya kekuasaan dan milik-Nya segala pujian dan Dia Maha Berkuasa atas segala sesuatu)."

Hadis diriwayatkan oleh Al-Tirmizi

KELEBIHAN 10 HARI AWAL BERBANDING 10 HARI DALAM BULAN LAIN

Zulhijjah

LINE OF GRAFIK

1

Allah Taala bersumpah dengan bulan ini secara umum dan sebahagian daripadanya secara khusus

Maksudnya:

"Demi waktu fajar, dan 10 malam (serta) hari dalam bulan Zulhijjah."

(Surah al-Fajr: 1-2)

2

10 hari ini adalah termasuk daripada tempoh 40 hari yang dijanjikan oleh Allah S.W.T kepada Nabi Musa alaihissalam. Firman Allah Taala:

Maksudnya:

"Kami telah menjanjikan tempoh kepada Musa (untuk diberikan kitab Taurat) selama 30 malam, dan Kami sempurnakan jumlahnya dengan 10 lagi, lalu cukuplah waktu yang ditentukan oleh Tuhannya selama 40 malam. Musa berkata kepada saudaranya, Harun (semasa hendak keluar dalam tempoh 40 hari ini), 'Gantikanlah aku dalam urusan memimpin kaumku, perbaikilah (keadaan mereka sepeninggalanku), dan janganlah turuti jalan golongan yang melakukan kerosakan."

(Surah al-A'raf: 142)

3

Ia adalah penutup bagi bulan-bulan yang dimaklumi, iaitu bulan-bulan Haji yang disebutkan oleh Allah.

Maksudnya:

"Haji itu ialah beberapa bulan yang dimaklumi."

(Surah al-Baqarah: 197)

4

Ia adalah hari-hari yang dimaklumi yang disebutkan Allah sebagai tempoh pengurniaan rezeki berupa binatang ternakan. Firman Allah Taala,

Maksudnya:

"Serulah manusia untuk mengerjakan haji, nescaya mereka akan datang kepadamu dengan berjalan kaki dan menunggang unta yang kurus yang datang dari pelbagai jalan yang jauh. Hal tersebut agar mereka menyaksikan berbagai-bagai manfaat buat mereka serta memperingati dan menyebut nama Allah pada hari-hari yang dimaklumi atas kurniaan-Nya kepada mereka berupa binatang-binatang ternak (untuk dijadikan korban)."

(Surah al-Hajj: 27-28)

Pengenalan

IBADAH KORBAN

Telah menjadi suatu tuntutan kepada setiap umat Islam pada setiap 10 Zulhijjah untuk meraikan Hari Raya Aidil Adha bagi memperingati sejarah pensyariatan ibadah korban yang difardukan ke atas Nabi Ibrahim A.S. Allah SWT memerintahkan ibadah korban seperti mana firmanNya dalam surah al-Kauthar ayat 2 yang bermaksud:

"Maka kerjakanlah sembahyang kerana Tuhanmu semata-mata dan sembelihlah korban (sebagai bersyukur)".

[al-Kauthar; 2]

Umumnya definisi ibadah korban atau udhhiyyah adalah binatang ternakan yang disembelih dengan niat untuk mendekati diri kepada Allah SWT yang dilakukan pada Hari Raya Aidil Adha (10 Zulhijjah) dan tiga hari Tasyrik iaitu 11,12 dan 13 Zulhijjah. Hukum mengerjakan ibadah korban adalah sunat muakkad (yang sangat dituntut).

SYARAT SAH KORBAN

NIAT

1

Niat kerana Allah SWT untuk mendekati diri kepadaNya.

PILIHAN HAIWAN

2

Memilih haiwan korban yang boleh dikongsi bahagiannya seperti unta, lembu dan kerbau jika ingin berkongsi tujuh orang. Manakala kambing atau biri-biri dikhususkan untuk seorang yang mewakili satu bahagian.



SYARAT HAIWAN KORBAN

CUKUP UMUR

1

telah mencapai satu tahap minimum umur iaitu kambing dan biri-biri yang genap enam bulan dan masuk bulan ketujuh, lembu yang genap dua tahun dan masuk tiga tahun, serta unta yang genap lima tahun dan masuk enam tahun.



SIHAT

2

Haiwan korban tersebut hendaklah sihat, bebas dari segala penyakit dan tidak mempunyai kecacatan, sama ada lumpuh, buta, telinga koyak, patah sebelah tanduk atau cedera pada tubuh badan.

ADAB & SUNNAH

MELAKSANAKAN IBADAH KORBAN

- 1 Tidak memotong rambut atau kuku (hukumnya makruh) bermula 1 Zulhijjah sehinggalah selesai melaksanakan korban.
- 2 Memberi makan kepada haiwan korban.
- 3 Mengikat haiwan korban sebelum disembelih.
- 4 Membawa haiwan korban ke tempat penyembelihan dengan cara yang baik bukan dengan kekerasan.
- 5 Mengasah pisau sebelum menyembelih haiwan korban.
- 6 Tidak mengasah pisau di hadapan haiwan sembelihan.
- 7 Menghadap kiblat ketika menyembelih.
- 8 Lebih afdal (baik) orang yang berkorban untuk menyembelih haiwan korban, jika tidak mahir maka hendaklah dia menyaksikan penyembelihannya.
- 9 Membaca basmalah dan bertakbir ketika menyembelih.
- 10 Berdoa selepas basmalah dan bertakbir.

AMALAN SUNNAH HARI RAYA

Aidiladha

BAGI YANG TIDAK PERGI HAJI

01. MELAKSANAKAN IBADAH KORBAN

Umat Islam amat dituntut untuk melaksanakan ibadah korban sekiranya berkemampuan. Ibadah korban bermaksud mengorbankan haiwan ternakan seperti lembu, biri-biri, kambing, atau unta dengan tujuan mendekatkan diri kepada Allah SWT dan merupakan salah satu amalan yang paling dicintai olehNya.

02. SOLAT SUNAT AIDILADHA

Solat Aidiladha adalah salah satu sunnah Rasullullah SAW yang sangat dianjurkan. Disunatkan menegerakan solat sunat Aidiladha untuk memberi masa yang lapang untuk menyembelih haiwan korban dan mengagihkannya.

03. MANDI & BERWANGI - WANGIAN

Disunatkan untuk mandi sebelum menunaikan solat sunat Aidiladha dan berwangi-wangian khusus bagi lelaki.

04. BERPAKAIAN CANTIK

Sunat bagi umat Islam berpakaian baru, bersih dan cantik lagi berwarna-warni pergi ke masjid bagi menunaikan solat sunat Aidiladha.

05. MAKAN USAI SOLAT HARI RAYA

Berbeza dengan Hari Raya Aidilfitri, pada Hari Raya Aidiladha disunatkan melewati makan sehingga selesai sembahyang sunat Hari Raya. Hal ini berdasarkan hadis dari Buraidah yang bermaksud,

"Bahawa Rasulullah SAW tidak keluar (solat) pada Hari Raya Fitrah (Aidilfitri) sehinggalah baginda makan terlebih dahulu. Pada Hari Raya Korban, baginda tidak makan sehinggalah lalu menjamah makanan daripada sembelihan Baginda." Riwayat Bukhari)

06. BERJALAN PERGI & PULANG DARI MASJID

Dalam sebuah hadis, Abdullah bin Umar RA meriwayatkan:

"Sesungguhnya baginda SAW keluar untuk menunaikan solat sunat Hari Raya dengan berjalan kaki dan pulang juga dalam keadaan berjalan kaki" (Riwayat Ibnu Majah)

07. MAKAN USAI SOLAT HARI RAYA

Disunatkankan bagi seorang muslim untuk melaungkan takbir dengan suara yang lantang dari terbit fajar hari Arafah hingga petang hari terakhir hari-hari Tasyrik iaitu 13 Zulhijjah setiap kali selepas menunaikan solat fardu.

Antara lafaz takbir ialah dengan melaungkan:

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ، وَاللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ

Maksudnya: "Allah Maha Besar, Allah Maha Besar, Allah Maha Besar, tiada Tuhan yang berhak disembah selain Allah, Allah Maha Besar, segala puji bagi Allah."

ASAS PANDUAN

"Saya tegaskan sekali lagi bahawa perpaduan akan tercapai jika semua pihak menerima Islam sebagai asas dan al-Quran sebagai panduan. Alangkah sedihnya di dalam mencari penawar terhadap perpecahan ummah ini, ramai yang masih meraba-raba dalam kegelapan, mencari cahaya sedangkan di tangan sendiri sudah ada lampu suluhnya..."

Allah SWT berfirman yang bermaksud:

Maksudnya: "Dan Kami turunkan kepadamu (wahai Muhammad) al-Quran yang memberi peringatan agar kamu menerangkan kepada manusia apa yang telah diturunkan kepada mereka dan supaya mereka memikirkannya."

[al-Nahl: 44]



PESAN TOK GURU

AL-QURAN

"Sesibuk mana pun, dan setinggi mana pun pangkat manusia, al-Quran mesti dibaca dan difahami maksud kandungannya."

اقْرءُوا الْقُرْآنَ فَإِنَّهُ يَأْتِي يَوْمَ الْقِيَامَةِ شَفِيعًا لِأَصْحَابِهِ

Maksudnya: "Bacalah al-Quran kerana sesungguhnya ia akan datang pada hari Kiamat sebagai syafaat kepada para pembacanya."

[Riwayat Muslim (804)]

GALERI FOTO IPTG

12 MAC
2023

**KURSUS PENERAPAN KEFAHAMAN UBUDIYAH,
MAS'ULIYAH DAN ITQAN (UMI) SIRI 1**

18 SYAABAN
1444H



13 MAC
2023

**KURSUS KEFAHAMAN DASAR MBI-DUN
PENKALAN KUBOR**

19 SYAABAN
1444H



20 MAC
2023

**LAWATAN DARI KELAB KEBAJIKAN
KOTA BHARU**

27 SYAABAN
1444H



26 MAC
2023

**KUNJUNGAN HORMAT SHEIKH MOHMOUD
MUHAMMAD, NAIB PENERUSI KESATUAN ULAMA'
TURKISTAN TIMUR KE IPTG**

4 RAMADAN
1444H



29 MAC
2023

MESYUARAT AHLI LEMBAGA INSTITUT PEMIKIRAN TOK
GURU DATO BENTARA SETIA KALI 1/2023

7 RAMADAN
1444H



16 APRIL
2023

KUNJUNGAN HORMAT MENTERI DI PEJABAT MENTERI
DAN MENTERI KEDUA PENDIDIKAN MERANGKAP HAL
EHWAL LUAR REPUBLIK SINGAPURA

25 RAMADAN
1444H



30 APRIL
2023

LAWATAN DARI PERTUBUHAN
AN NIDA' MALAYSIA

9 SYAWAL
1444H



2 MEI
2023

KUNJUNGAN PENYELIDIKAN DARIPADA YUSOF
ISHAK INSTITUTE

11 SYAWAL
1444H



3 MEI
2023

RAYA DI PEJABAT SETIAUSAHA
KERAJAAN NEGERI KELANTAN (SUK)

12 SYAWAL
1444H





Selamat Hari Raya Aidiladha

"Sesungguhnya ALLAH telah menggantikan kedua-duanya bagi kamu semua dengan dua hari yang lebih baik, iaitu hari raya Aidiladha dan Aidilfitri."

Hadis riwayat al-Nasaai, di dalam Sunan al-Nasa'i, hadis no: 959

MEMBANGUN BERSAMA ISLAM | 'UBUDIYYAH, MAS'ULIYYAH DAN ITQAN

